

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 22 )

11 Februari 2018  
25 Jamadilawal 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 17/2018

### PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2017 PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA MENGANDUNG

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 mengenai Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung.


2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam daripada masa bekerja biasa bagi pegawai wanita yang mengandung lima bulan dan ke atas serta dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi berdekatan yang pulang bersama isterinya bagi membolehkan suami membantu isteri semasa dalam perjalanan. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

3. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pemakaian pekeling ini. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dirujuk ke Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah